



BULETIN INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA

edisi 2 - 2008

Fakta

www.youth.org.my

Belia dan Membina Kedamaian

Mesyuarat Menteri-Menteri Belia Komanwel yang ke-7 (7CYMM) telah diadakan di Colombo, Sri Lanka daripada 27 sehingga 30 April 2008. 'Youth and Peace-Building' telah dipilih sebagai tema untuk mesyuarat kali ini.

Tema tersebut ditonjolkan kerana pihak pengangur beranggapan bahawa kita semua tinggal di dalam dunia yang semakin kompleks, di mana wujud polarisasi persepsi yang disemarakkan lagi oleh ketidakadilan dan ketidaksamarataan. Semua ini membawa kita kepada konflik dan berlakulah keganasan yang sudah tentu bukan sahaja mengancam kestabilan negara berkenaan tetapi juga dunia antarabangsa.

Commonwealth Commission on Respect and Understanding di dalam laporannya *Civil Paths to Peace* mendapati bahawa sekiranya orang muda tidak diberikan perhatian, mereka dicaci atau mereka merasakan diri mereka tidak mempunyai suara dan tidak mempunyai masa depan yang baik, mereka berkemungkinan akan terjerumus ke dalam gerakan atau ideologi yang pada anggapan mereka, dapat menjanjikan sesuatu yang positif

untuk masa depannya dan seterusnya dapat memberikannya identiti.

Laporan tersebut seterusnya menyatakan sekarang ini terdapat 300,000 orang muda di bawah umur 18 tahun yang terlibat di dalam konflik bersenjata. Sejumlah 500,000 lagi telah pun dilatih dan diserapkan sebagai anggota militari dan paramilitari.

Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGAM) 2007 telah pun memutuskan bahawa tindakan selanjutnya perlu dilakukan untuk usaha memupuk rasa hormat dan kesefahaman belia melalui program-program Komanwel di masa hadapan. Secara khususnya program yang telah dikenal pasti adalah bersifat '*activities in relation to young people, women, education and the media as the priority fields of action*'.

Selaras dengan arahan CHOGAM itu, mesyuarat Menteri-Menteri Belia Komanwel 2008 telah memberikan tumpuan kepada isu-isu berkaitan dengan pembangunan belia khususnya yang mempunyai kaitan dengan *peace-building, social development and transformation*.

Sebagai usaha untuk membangunkan kedamaian atau *peace-building* ini, 7CYMM telah membincangkan satu cadangan *Youth Mainstreaming as a Strategic Tool for Youth Development*. *Youth mainstreaming* adalah satu strategi yang penting untuk mengintegrasikan keterlibatan, keperluan dan pandangan belia di dalam semua aspek proses atau projek yang akan membina suasana kedamaian. Ini termasuklah kuota ahli perlu melibatkan golongan belia untuk sama-sama melalui proses analisis situasi, perancangan, pelaksanaan dan pemantauan serta penilaian pelbagai program yang disasarkan kepada golongan belia.

Diharapkan proses *youth mainstreaming* tersebut akan dapat membantu membawa belia ke dalam arus perdana dan seterusnya mampu mempunyai implikasi yang positif dengan usaha membina kedamaian iaitu mengurangkan konflik dan keterpinggiran.

INDEKS BELIA MALAYSIA di 7CYMM



Malaysia adalah negara pertama di kalangan negara Komanwel yang telah pun berjaya mewujudkan Indeks Pembangunan Belia. Cadangan untuk membangunkan *Youth Development Index (YDI)* atau Indeks Pembangunan Belia di kalangan negara Komanwel telah pertama kali disuarakan di dalam mesyuarat Menteri-menteri Belia Komanwel yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1998.

Tujuan membangunkan YDI adalah untuk mewujudkan indikator yang sesuai bagi tujuan perlaksanaan dan pemantauan pelan tindakan memperkasakan belia atau *Plan of Action on Youth Empowerment (PAYE)*.

Walaupun cadangan pembentukan YDI telah bermula pada tahun 1998, usaha awal ke arah tersebut hanya bermula pada tahun 2005 apabila UN Focus Point on Youth dengan kerjasama beberapa agensi mencadangkan Commonwealth Youth Programme (CYP) menjadi peneraju untuk membentuk YDI.

Pada Disember 2005, satu mesyuarat di New York telah membincangkan indikator-indikator yang boleh digunakan untuk merealisasikan YDI. Satu kajian rintis (*pilot survey*) telah diadakan di Caribbean untuk mengumpulkan maklumat daripada golongan belia. Namun begitu projek tersebut tidak

banyak membawa kemajuan seperti yang dijangkakan disebabkan oleh *'huge amount of resources, human and financial required to operationalise it'*.

Sehingga kini, Malaysia adalah satu-satunya negara di Komanwel yang telah berjaya mewujudkan YDI iaitu Indeks Belia Malaysia (IBM). Berdasarkan kejayaan tersebut, Malaysia telah diminta untuk membentangkan satu kertas kerja mengenai pengalaman Malaysia

membentuk Indeks Belia Malaysia. Ketua Pegawai Eksekutif bagi Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (YOUTH RESEARCH), Prof. Dr. Samsudin A. Rahim telah membentangkan kertas kerja yang menghuraikan rasional, kerangka, metodologi dan sumber yang diperlukan untuk membentuk pembentukan Indeks Belia Malaysia (IBM).

Mesyuarat 7CYMM telah membincangkan mengenai YDI dan pengalaman Malaysia melaksanakannya. Keputusan mesyuarat telah dibuat agar setiap negara membentuk YDI mereka sendiri yang berbentuk *'decentralised and contributes to youth mainstreaming as part of CYP's strategic plan for 2008-2012'*. Selaras dengan itu, setiap CYP wilayah akan membentuk kumpulan mereka sendiri untuk membangunkan YDI masing-masing mengikut kesesuaian setiap negara.

YOUTH RESEARCH telah pun menerima jemputan daripada beberapa pusat CYP wilayah untuk mengadakan bengkel bagi tujuan membentuk YDI di negara-negara Komanwel yang berkaitan. Bengkel pertama dirancang untuk negara-negara yang menjadi ahli CYP wilayah Pasifik akan diadakan pada Julai 2008. Ini diikuti dengan bengkel untuk wilayah Asia yang bakal diadakan di Kuala Lumpur.

INTERNATIONAL CONFERENCE ON YOUTH RESEARCH 2008
DEVELOPING A GLOCAL GENERATION:
DIRECTIONS & CHALLENGES
16-17 DECEMBER 2008
MARRIOTT HOTEL PUTRAJAYA, MALAYSIA
Jointly organized by:
Universiti Kebangsaan Malaysia
YOUTH RESEARCH
www.ukm.my/icyr08

Persidangan Antarabangsa Penyelidikan Belia 2008

YOUTH RESEARCH dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akan menganjurkan satu persidangan antarabangsa mengenai penyelidikan belia pada 16-17 Disember 2008.

International Conference on Youth Research 2008: Developing A Glocal Generation - Directions and Challenges akan membicarakan transformasi yang mencabar generasi muda di dalam era globalisasi ini. Era globalisasi bukan sahaja memberikan satu perspektif baru di dalam sudut pandangan kita terhadap persekitaran tetapi juga kefahaman kita mengenai nilai dan amalan yang kita lakukan setiap hari. Untuk menghadapi transformasi globalisasi, generasi muda perlu memperkasakan diri mereka melalui peningkatan kapasiti pengetahuan, kemahiran dan juga inovasi.

Di antara sub-tema yang akan dibincangkan di dalam persidangan ini adalah:

- Belia dan globalisasi
- Globalisasi, budaya dan media
- Keselamatan manusia dan jaringan keselamatan sosial
- Memperkasakan belia dan demokrasi
- Jenayah, keganasan dan kenakalan
- Gaya hidup dan kesejahteraan hidup
- Hak asasi manusia dan pembangunan manusia
- Kepelbagaiannya budaya lokal dan identiti

Pekerja belia sama ada di dalam sektor kerajaan atau NGO, penyelidik dan sesiapa sahaja yang berminat mengenai pelbagai aspek pembangunan generasi muda seharusnya tidak melepaskan peluang untuk menghadiri persidangan antarabangsa ini.

Maklumat lanjut mengenai persidangan ini boleh didapati melalui laman web www.ukm.my/icyr08 atau www.youth.org.my.

Untuk membolehkan satu perancangan yang mantap di dalam pembangunan belia, satu pangkalan data diperlukan. Pangkalan data boleh menyimpan dan mengemaskinikan maklumat mengenai belia sama ada ciri demografi, sikap, nilai dan sebagainya agar ia boleh memantau perubahan yang berlaku di kalangan generasi muda.



YOUTH RESEARCH sudah pun mengorak langkah ke arah membentuk pangkalan data. Usaha pertama adalah dengan mengumpul pelbagai data awal di peringkat daerah di dalam usaha pemetaan belia. Hasilnya Pemetaan Belia Malaysia sebagai pangkalan data atas talian telah pun dibentuk pada tahun 2007. Usaha dilakukan untuk mengemaskinikan maklumat yang sedia ada.

Untuk tahun 2008 ini, YOUTH RESEARCH sedang di dalam proses membentuk Gerbang Maklumat Belia (GMB). GMB adalah satu rangkaian atas talian yang menghubungkan pelbagai pihak yang ada kaitan dengan pembangunan belia. Tujuan utamanya adalah untuk membolehkan komunikasi dua hala yang pantas dengan pelbagai pihak bukan sahaja bagi tujuan akses kepada pangkalan data YOUTH RESEARCH tetapi juga sebagai jalinan penyelidikan dan pemantauan terhadap kerja-kerja pembangunan belia.

Pangkalan data yang mantap akan menjamin perancangan agar perlaksanaan dapat dilakukan dengan cara yang lebih efisien. Kerja pembangunan belia mestilah berpaksikan strategi yang telah pun dikenal pasti oleh kerajaan. Walau bagaimanapun di dalam keadaan sekarang ini, tidak banyak perhatian secara sistematik diberikan kepada dasar dan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Malaysia di dalam perancangan dan perlaksanaan program. Kesannya kebanyakan program belia tidak menunjukkan kepelbagaian sepertimana yang dihajati oleh dasar dan pelan tindakan yang telah digubal.

Selain itu, kita juga mempunyai komitmen terhadap pelbagai pelan tindakan di peringkat wilayah dan global seperti World Programme of Action Youth (WPAY) oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, Commonwealth Plan of Action Youth Empowerment (PAYE) dan pembentukan Komuniti ASEAN menjelang tahun 2015.

Pembangunan belia perlu kembali kepada keperluan asas dan juga berubah mengikut perubahan paradigma dan juga persekitaran. Mengisi masa lapang golongan belia adalah sebahagian daripada pendekatan pembangunan belia. Tetapi pengisian masa lapang semata-mata bukanlah satu pendekatan pembangunan belia.

SIDANG PENGARANG

PENAUNG
Prof. Dr. Samsudin A. Rahim

PENASIHAT
Y.M. Engku Mohd. Azmi Engku Mohd. Basri

KETUA PENGARANG
Juliana Soon Siew Fuang

EDITOR
Nadya Shaffinaz Bajuri

SIDANG PENGARANG
Shariffah Mamat
Mastura Mohamad
Nor Hamidah Hamzah
Shahhanim Yahya
Rizzal Dollah
Hasnul Mubarak


PEMBANTU PENERBITAN
Nuurul Mizan Ya'cob
Zanariah Shaarani

Sila hantarkan sebarang komen dan pertanyaan anda kepada info@youth.org.my.

YOUTH EMPLOYMENT

According to the International Labour Organisation (ILO), levels of unemployment among young people are two to three times higher than among adult population. Though youth represent one quarter of the working age population between the ages of 15 and 64, they made up half of the total 191.8 million people out of work world-wide in 2005. The bleakest pictures are in sub-Saharan Africa, where the share of youth unemployment reaches as high nearly 80 per cent of total unemployment in some countries, and also in Western Asia and North Africa.

In comparison to older workers, the difficulties for youth rest largely on a lack of experience, lack of voice, a tough transition from school to the job market, and the obstacles to those not already employed, posed by labour protection regulations. Despite a high level of education in the historical context, the current youth population is still viewed as a risk both by employers and mainstream financial institutions. Moreover, the line between unemployment and employment has blurred with the growth of the informal economy and intermittent or part-time jobs, rarely lead to stable work or social protection coverage. Many young people work in casual



jobs in this gray area. The existing vocational education and training programmes do not adequately reflect current labour demands, leaving jobs in some sectors vacant or out of reach to youth. Thus one key issue to be addressed is the imbalance between the supply of young people and the demand for their labour.

The problems facing youth are not only a challenge for the personal development of young people but for the preservation of national and regional stability. During a February 2005



POTENSI PERMINTAAN TENAGA KERJA BERKEMAHIRAN DI SEKTOR PERKILANGAN, PEMBINAAN DAN PERKHIDMATAN DI MALAYSIA

Penyelidik:

Dr. Abd. Hair Awang (UKM)

Geran Penyelidikan YOUTH RESEARCH:
1/0016-18

open debate in the security council regarding security issues in West Africa, United Nations Secretary-General Kofi Annan underscored this point by commenting, "youth unemployment levels are shockingly high, and the accompanying desperation carries a real risk of political and social unrest in countries emerging from crisis, and even in those that are currently stable."

In the millennium declaration adopted by the general assembly in September 2000, heads of state and governments resolved to "develop and implement strategies that give young people everywhere a real chance to find decent and productive work." The United Nations, together with the heads of the World Bank and the International Labour Organization, launched the Youth Employment Network (YEN) to pursue this goal. This initiative has created four strategies for youth employment:

- Employability of young people through investing in training and education
- Entrepreneurship
- Employment creation
- Equal opportunities for men and women

It should be clearly noted that in all regions the challenges for young women to find work are steepest. Overall, the female unemployment rate is significantly higher than the male rate; the regions where the female rates showed the most differentiation with those of men were Latin America and Caribbean and the Middle East and North Africa. Better jobs for women not only result in the transfer of financial resources over time but also translate into improved family welfare, the reduction of child labour and a better point from which to confront gender inequities.

Dipetik daripada : Guide to the Implementation of the World Programme of Action For Youth, 2006


Malaysia memacu ke arah mengoptimalkan penggunaan sumber-sumber ekonominya, terutama sumber manusia untuk mencapai status negara maju menjelang 2020. Di samping memiliki sumber-sumber sedia ada, negara yang maju dengan ekonomi berteraskan pengetahuan memerlukan tenaga kerja yang kompeten. Belia perlu dibangunkan secara berterusan dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku positif untuk meningkatkan produktiviti, memajukan perindustrian, menjana kemajuan teknologi, menarik pelaburan langsung asing seterusnya berupaya memperkuatkan lagi daya saing di pasaran global. Golongan belia merupakan kumpulan umur yang terbesar (lebih 40 peratus) di dalam struktur penduduk negara bagi tempoh 1990 sehingga 2010. Pelaburan awam terhadap latihan kemahiran sentiasa meningkat. Kesepadan antara program latihan kemahiran yang ditawarkan dengan kehendak pembangunan ekonomi dan pasaran buruh di masa hadapan adalah sangat penting. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti permintaan masa hadapan tenaga kerja yang berkelayakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Kombinasi tiga pendekatan telah digunakan di dalam kajian ini iaitu :

- Unjuran bilangan tenaga kerja.
- Pendekatan panel penasihat majikan bagi mengumpul maklumat kehendak pasaran buruh berkemahiran.
- Analisis fungsi pekerjaan dengan meneliti kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi pekerjaan berteraskan kemahiran.

Hasil kajian menunjukkan permintaan terhadap pekerja berkemahiran terus meningkat selari dengan perkembangan sektor perkilangan, sektor pembinaan dan sektor perkhidmatan. Sektor perkhidmatan berupaya menjana lebih banyak peluang kerjaya di samping sektor perkilangan dan perkhidmatan. Industri elektrik dan elektronik, pengeluaran petroleum dan kimia, perkilangan kayu dan perabot serta pengangkutan lebih berpotensi mencipta peluang pekerjaan berkemahiran di masa hadapan.

Unjuran Keperluan Tenaga Kerja Sektor Perkilangan bagi Tahun 2005 dan 2010*



Walau bagaimanapun, menurut penilaian majikan menerusi temu bual kumpulan terfokus dan soal selidik menunjukkan lepasan bidang kemahiran masih kurang pendedahan dan pengalaman kerja sebenar. Di samping itu terdapat juga beberapa aspek kemahiran bukan teknikal yang wajar ditingkatkan di kalangan pelatih sepertimana dalam rajah berikut. Majikan juga mengakui lepasan program latihan kemahiran menguasai kemahiran teknikal yang dipelajari.

Kriteria Kebolehanpasaran Belia Malaysia dalam Sektor Pekerjaan*



* Sumber: Kajian Potensi Permintaan Tenaga Kerja Berkemahiran Di Sektor Perkilangan, Pembinaan dan Perkhidmatan Di Malaysia, 2007

Fact Sheet: POSITIVE YOUTH DEVELOPMENT

PORTAL BELIA: JURNAL PEMBANGUNAN BELIA 2008



[Artikel terbaru mengenai pembangunan belia terdapat di dalam portal YOUTH RESEARCH. Untuk bacaan lanjut, sila layari url <http://www.youth.org.my>. Sehingga kini, terdapat 5 artikel yang telah dimuatkan di dalam ruangan Jurnal Pembangunan Belia (JPB) 2008 iaitu:-


- Fungsi dan Sumber Mentor Tidak Formal di Kalangan Usahawan Belia Tani Siswazah
- *Rural Social Transformation For The 21st Century: Impact of E-Community Centers On the Development of E-Literacy Among Youth in Rural Areas in Malaysia*
- Kompetensi Tenaga Kerja : Keseimbangan Antara Tuntutan Majikan dan Penguasaan Pelatih

... Sambungan dari muka surat 4

Di dalam aspek pengambilan dan pemilihan pekerja berkemahiran pula, syarikat tempatan lebih gemar menggunakan kaedah *informal* iaitu menerusi hebatan secara lisan dan pertalian *personal*. Syarikat multinasional pula lebih gemar menggunakan saluran *formal* di dalam pengambilan pekerja berkemahiran terutamanya menerusi temu duga terbuka dan pengiklanan di akhbar tempatan. Syarikat tempatan juga jarang menghubungkan institut kemahiran awam untuk memilih pengambilan pekerja baru berbanding syarikat milik multinasional.

Negara sedang membangun sering dikecam kerana wujud ketidaksepadanan di antara permintaan dan penawaran buruh berkemahiran. Program latihan belia kemahiran yang berorientasikan kehendak pasaran hendaklah dimantapkan. Kombinasi antara umjuran permintaan dan *signal/pasaran* buruh dijadikan panduan menilai kehendak pasaran. *Signal/pasaran* buruh yang diperoleh menerusi soal selidik majikan dan dialog bersama persatuan majikan serta pengusaha berupaya menjadi panduan perancangan keperluan latihan di masa hadapan.

Amalan Kaedah Pengambilan Pekerja Berkemahiran Mengikut Jenis Syarikat *



[The Positive Youth Development approach suggests that helping young people to achieve their full potential is the best way to prevent them from engaging in risky behaviors. Organizations and communities that promote Positive Youth Development give youth the chance to exercise leadership, build skills, and get involved. The self-confidence, trust, and practical knowledge that young people gain from these opportunities help them grow into healthy, happy and self-sufficient adults.

Positive Thinking Leads to Positive Results

When community members and policy makers harness the positive energy and initiative of youth, good things happen:

- Youth believe they can be successful instead of internalizing the negative stereotypes about them that often appear in the media.
- Youth engage in productive activities that build job and life skills and reinforce community-mindedness.
- Youth grow comfortable questioning and exploring their roles as citizens in a participatory democracy.

In addition, adults who work closely with youth and therefore see their dedication, responsibility, and willingness to learn, tend to view youth positively.

Positive Youth Development Takes Many Forms

Organizations and communities put Positive Youth Development into practice by allowing young people to help make important decisions about their own lives, the organizations that serve them, and their communities.

You can put Positive Youth Development into practice by:

- Recruiting young people to volunteer for local grassroots organizations.
- Showing youth how to start their own newspapers or websites.

— QUOTE —

"Be humble, if thou wouldn't attain to Wisdom. Be humbler still, when Wisdom thou hast mastered."

Bersikap rendah diri, seolah-olah seseorang itu akan mencapai kebijaksanaan. Bersikap lebih rendah diri lagi, apabila kebijaksanaan itu telah dicapainya.

- HELENA PETROVA BLAVATSKY -

POSITIVE YOUTH DEVELOPMENT

- Asking high school students to co-teach classes with their teachers.
- Teaching young people to conduct surveys on community and school resources.
- Encouraging local businesses to sponsor job fairs and job shadowing days.
- Inviting youth to serve on the board of a local nonprofit organization.
- Creating a youth board that advises state or local government on issues young people care about, such as violence prevention, transportation and after school activities.

Many local programs offer young people positive opportunities. The Boys & Girls Clubs of America, National 4-H Council and YMCA of the USA, for example, are national organizations that promote the Positive Youth Development approach through their local program affiliates. Smaller organizations, such as local runaway shelters, after school centers, mentoring programs and job training sites, promote Positive Youth Development, too.

The Evidence Is Growing

The nonpartisan National Academy of Sciences conducted a 2-year study to find out how effective community-level programs are at helping youth. The resulting report, Community Programs To Promote Youth Development (2002) concluded that "adolescents who spend time in communities that are rich in developmental opportunities experience less risk and show evidence of higher rates of positive development." The report also recommended that each community offer a variety of activities to accommodate the different interests and abilities of young people.

Research into Positive Youth Development's efficacy continues at universities around the country and at organizations such as the Search Institute, Girl Scouts of the USA and 4-H.

A Role for Everyone

Everyone has a role to play in helping his or her community promote Positive Youth Development:

- Neighborhood leaders and community members can involve young people in measuring how well the community supports youth, and then work together to improve services.
- Policymakers can engage youth in discussions about policies that affect them.
- Business leaders can teach young people the skills they will need for successful employment.
- Youth service organizations can encourage youth participation in every aspect of their work.
- Members of the media can help give young people outlets for expressing their views.
- Treatment providers can engage adolescent treatment recipients in service to others, for instance, as peer educators.
- Teachers and school administrators can ensure that school policies, procedures and teaching methods engage young people fully.
- Faith-based institutions can involve young people in community activities.
- Parents can strive to engage their children in positive activities that nurture their talents, skills and interests.

Source: U.S Department of Health and Human Services, 2007

Ulasan buku

Generasi Belia : Satu Cetusan Pandangan

Penerbit : Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Terbitan : 2007


Halaman : 203

GENERASI BELIA : SATU CETUSAN PANDANGAN merupakan satu koleksi bahan bacaan umum yang mengetengahkan isu-isu belia di dalam konteks pembangunan belia positif. Buku ini merupakan cetusan pandangan hasil nukilan Prof. Dr. Samsudin A. Rahim mengenai generasi belia dan pembangunan belia di Malaysia.



Sejumlah 44 artikel yang telah dimuatkan di dalam buku ini merupakan koleksi artikel yang ditulis untuk sisipan akhbar Utusan Malaysia iaitu Yo! Rakan Muda yang merupakan sisipan berkaitan dengan aktiviti generasi belia. Antara kupasan isu-isu menarik yang terkandung di dalam buku ini merangkumi komponen:

- Belia dan Pengiktirafan
- Belia dan Keperibadian
- Belia dan Aspirasi Negara
- Belia dan Pembangunan
- Belia dan Cita rasa
- Belia dan Potensi Diri
- Belia dan Kepkeaan Global



New Directions For Youth Development

Penulis : Jean E. Rhodes

Penerbit : Jossey-Bass Inc Pub

Terbitan : Edisi 4, 2002

Halaman : 131

Mentoring has become an almost essential aspect of youth development and is expanding beyond the traditional one-to-one, volunteer, community-based mentoring. New Directions for Youth Development: A Critical View of Youth Mentoring provides evidence of the benefits of enduring high-quality mentoring programs, as well as apprenticeships, advisories, and other relationship-based programs that show considerable promise. It takes a critical look at the importance of youth-adult relationships and how a deeper understanding of these relationships can benefit youth mentoring. It also raises important questions about relationship-based interventions and generates new perspectives on the role of adults in the lives of youth. The authors examine mentoring in the workplace, teacher-student interaction, and the mentoring potential of student advising programs.

Critical-View-Youth-Mentoring-Development promotes the positive and healthy development of all youth. Communities are attempting to redesign themselves to be places that promote the general well-being and positive behavior of all young people while, at the same time, trying to prevent negative behavior. Although communities have begun to see the importance of addressing positive youth development, many communities have a limited understanding of the mobilisation required to create an environment that truly promotes positive youth development in all young people.